

Tarik diri bukti dasar terbuka

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]



Anwar berucap pada program sembang santai bersama veteran ATM di Seremban, semalam.

Seremban: Keputusan Malaysia menarik diri daripada meratifikasi Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) adalah bukti kerajaan terbuka dalam menerima pandangan dan suara semua pihak termasuk Majlis Raja-Raja.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan itu juga membuktikan wujudnya pandangan baharu berkaitan Statut Rom yang diteliti kerajaan sebelum rumusan dibuat berhubung perkara itu.

Pendirian jelas

Beliau berkata, amat perlu bagi kerajaan yang mengamalkan prinsip terbuka untuk melerai segala bentuk kebimbangan dan masalah yang dibangkitkan

berkait isu berkenaan.

“Seperti dijelaskan, pendirian kita (kerajaan) jelas, tetapi mengambil beberapa pandangan baharu terutama Raja-Raja, maka kita tarik balik.

“Ada juga kebijaksanaan (keputusan) dibuat Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad) dan kerajaan, supaya pada akhirnya ia tidak menimbulkan permasalahan dan perkara ini perlu dijelaskan lagi,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas menghadiri program sembang santai bersama veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Restoran Makan Time Sendayan di sini, semalam.

Anwar berkata, dalam pertemuan dengan Dr Mahathir, kelmarin, isu dan alasan penarikan

diri Malaysia daripada meratifikasi Statut Rom diulas panjang lebar oleh Perdana Menteri.

“Saya juga jelaskan kepada Perdana Menteri dalam pertemuan semalam (kelmarin) bahawa prinsip dalam Statut Rom itu adalah ke arah perubahan dan ketelusan undang-undang.

Tak dipengaruhi desakan

“Tetapi kita harus terima kenyataan beberapa masalah dan kebimbangan perlu kita leraikan. Seperti isu ICERD (Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum), penafsiran negatif yang dimainkan politik pembangkang harus diambil kira, jadi kita kena jelaskan,” katanya.

Di **Alor Setar**, Ketua Whip Pa-

katan Harapan (PH), Datuk Johari Abdul, ketika dihubungi, berkata keputusan Kabinet itu tidak dipengaruhi oleh desakan mana-mana pihak, sebaliknya keputusan terbaik untuk negara.

“Sebab itu kita ada Parlimen, banyak pihak bercakap mengennainya di Dewan Rakyat tidak kira dari pihak kerajaan atau pembangkang pada waktu itu.

“Sudah tentu kerajaan mendengar setiap pandangan yang disuarakan ahli Parlimen. Bukan semua pandangan pihak pembangkang tidak baik dan tidak boleh diterima.

“Kerajaan mendengar pandangan semua pihak, sudah tentu yang baik akan diterima, itu sebabnya kita ada Parlimen,” katanya.